



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM PELANCARAN DIREKTORI
ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI (CBO) KPWKM
@PAPAR, SABAH**

**19 OGOS 2024 (ISNIN) | 11.30 pagi
DEWAN MASYARAKAT PAPAR, SABAH**

Kemaskini: 18 Aug 2024

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul di majlis yang bermakna ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua-ketua Agensi dan Ketua Komuniti yang sudi hadir untuk memeriahkan **Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @Papar, Sabah.**

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM berusaha untuk memperkuat penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan yang melibatkan komuniti dari pelbagai generasi, sejajar dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.

3. Program hari ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli komuniti di Sabah, khususnya di Papar, supaya mereka dapat menjadi rakan strategik dalam membantu kumpulan yang memerlukan serta memberi sokongan sosial kepada masyarakat setempat.

4. Oleh itu, JKM telah mewujudkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti atau *Community Based Organization (CBO)* ini sebagai satu panduan dan rujukan yang boleh membantu masyarakat yang memerlukan sokongan atau bantuan

khususnya kepada kumpulan sasar kita iaitu wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU.

5. Dalam konteks ini, ahli CBO terdiri daripada pelbagai jawatankuasa dan sukarelawan kebajikan termasuk PAWE, PPDK, PPKK serta ahli komuniti. Mereka adalah rakan strategik JKM dalam menyantuni dan melindungi kumpulan sasar di bawah KPWKM. Hari ini, mereka didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran penting untuk menjalankan peranan ini.

Inisiatif Sedia Ada KPWKM Di Papar, Sabah

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

6. Ahli-ahli CBO akan memainkan peranan penting dalam melindungi dan menyokong kumpulan sasaran di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Sehingga Disember 2023, terdapat 140 Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) di seluruh negara, dengan 23 di Sabah dan 1 di Papar. Selain itu, terdapat 142 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), termasuk 3 di Sabah dan 1 di Kampung Benoni, Papar. Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak

(PKKK) pula bertanggungjawab menyelaraskan perkhidmatan untuk keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Sehingga kini, terdapat 133 PKKK di seluruh negara, dengan 29 di Sabah.

7. Selain itu, keganasan rumah tangga juga merupakan isu yang perlu diambil serius oleh CBO. Ahli komuniti yang mengetahui tentang kes penderaan atau keganasan rumah tangga boleh melaporkannya melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat, balai polis, hospital terdekat, Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-2615999.

8. Bagi komuniti OKU pula, sehingga Disember 2023, terdapat 564 Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) yang memberi manfaat kepada 18,918 OKU dan 5,144 petugas di seluruh negara. Di Sabah, 40 PPDK berkhidmat untuk 2,312 OKU, dengan 1 PPDK di Papar yang menyokong 52 OKU.

9. Untuk warga emas, terdapat 161 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di seluruh negara dengan jumlah warga emas berdaftar seramai 52 ribu orang. Negeri Sabah mempunyai 21 PAWE sedia ada di mana sebanyak 6,276 warga emas yang berdaftar dan pada tahun ini, terdapat pertambahan 2 buah PAWE lagi menjadikan keseluruhannya sebanyak 23 buah PAWE. Di Papar, 2 PAWE yang mempunyai 321 warga emas berdaftar.

10. Di samping itu, berdasarkan statistik JKM sehingga Disember 2023, terdapat 543,811 penerima bantuan di Malaysia dengan peruntukan RM2.53 bilion. Di Sabah, terdapat 69,807 penerima bantuan dengan peruntukan hampir RM318 juta (RM317,923,400.00), manakala di daerah Papar, terdapat 2,590 penerima dengan peruntukan hampir RM11.5 juta (RM11,384,425.00).

11. Selain perkhidmatan JKM, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menawarkan sokongan kepada remaja melalui Pusat Transit Remaja kafe@TEEN dan Program Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCARE) untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya saringan awal kanser. Yayasan Kebajikan Negara (YKN) turut menyediakan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) untuk menawarkan bimbingan, kaunseling, dan sokongan emosi kepada kumpulan sasar kita.

Direktori CBO KPWKM@Papar dan Perluasan di Seluruh Malaysia

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

12. Pengerusi dan ahli CBO merupakan orang yang paling dekat dengan komuniti untuk menjadi **mata dan telinga** kepada pihak berkuasa khususnya Kementerian ini dalam menangani penderaan, pengabaian dan keganasan yang dihadapi oleh komuniti setempat.

13. Pada hari ini akan dilancarkan **Direktori CBO KPWKM@Papar bagi zon Sabah** yang akan digunakan oleh Ketua CBO sebagai dokumen rujukan semasa menyantuni kumpulan sasaran dalam komuniti yang memerlukan bantuan. Direktori ini akan diperluaskan kepada semua daerah dan negeri di Malaysia bagi memudahkan capaian maklumat serta dapat mempercepatkan lagi tindakan yang diambil oleh CBO bagi membantu komuniti yang memerlukan.

14. Sehingga hari ini, Direktori CBO KPWKM telah di lancarkan mengikut zon :

ZON	LOKASI	TARIKH
Tengah	Sepang, Selangor	11 Ogos 2024
Selatan	Alor Gajah, Melaka	6 Februari 2024
	Seremban, Negeri Sembilan	23 April 2024
Timur	Tumpat, Kelantan	13 Julai 2024
Utara	Barat Daya, Pulau Pinang	8 Ogos 2024

Untuk makluman semua, majlis pelancaran direktori CBO ini juga akan di laksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dicadangkan pada 3 September 2024 dan di Negeri Sarawak pada 18 September 2024 bertempat di Sibu, Sarawak. Sehingga akhir 2024, KPI KPWKM sebanyak 105 daerah akan tercapai.

15. KPWKM dan agensi di bawahnya, khususnya JKM, berperanan penting sebagai barisan hadapan kerajaan dalam membangunkan masyarakat yang sejahtera, berdikari, dan berbudaya penyayang. Namun begitu, kita tidak boleh memikul tanggungjawab ini sendiri. Itulah sebabnya kita ingin mendekati masyarakat kerana mereka yang lebih tahu apa yang berlaku dalam komuniti setempat mereka.
16. Bersempena bulan kemerdekaan ini bersama-samalah kita mengibarkan jalur gemilang. Sebagai rakyat Malaysia di bumi yang bertuah ini, kita patut bersyukur dikurniakan kehidupan

aman dan damai. Marilah kita memupuk semangat patriotisme dalam negara yang berbilang kaum ini.

17. Akhir kata, dengan **Lafaz Bismillahirrahmanirrahim**, saya merasmikan Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM@Papar, Sabah.

Sekian, terima kasih

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
19 Ogos 2024 (Isnin)